

## Ketaksamaan Sistem Padi Kunca dalam Kalangan Kaum Tani Melayu di Kedah Tahun 1910-1967

### *Padi Kunca System Inequality among Malay Peasant in Kedah in 1910-1967*

**Azhari Mat Salleh<sup>\*1</sup> & Rohani Abd Ghani<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Kedah, Malaysia.

<sup>2</sup>School of Languages, Civilisation & Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.

\*Corresponding Author : azhari@ipgkda.edu.my

#### **Abstrak**

Kaum tani di negeri Kedah Darul Aman mempunyai isu-isu hutang yang berkait rapat dengan keadaan sosioekonomi mereka. Antaranya, hubungan antara kaum tani dengan ceti-ceti yang memberi pinjaman dalam bentuk wang dengan cagaran berupa geran tanah. Artikel ini bertujuan menilai masalah hutang dalam kalangan kaum petani di kawasan Muda, Kedah sekitar tahun 1900 hingga 1967. Tumpuan diberikan terhadap isu penggadaian dan pertukaran hak milik tanah sawah kepada golongan ceti dan pemiutang. Kesannya, kaum tani terpaksa menyewa tanah kepunyaan sendiri akibat dari keberhutangan. Kaedah penyelidikan sejarah digunakan dalam kajian ini. Pengkaji telah mengumpulkan dokumen rasmi kerajaan akhbar dan temuramah bagi memahami dengan baik masalah hutang dalam kalangan petani di Kedah, antaranya SUK 1957, SUK 3421 dan SUK 2829. Dapatan kajian menunjukkan punca masalah hutang dalam kalangan kaum tani di Kedah adalah dari sikap kaum tani yang mudah menerima tawaran pinjaman daripada ceti.

**Kata Kunci:** Padi kunca; Ceti; Pemiutang; Kaum tani.

#### **Abstract**

*Peasants in the state of Kedah Darul Aman have debt issues closely related to their socio-economic situation. For example, the relationships between the peasants and Chetty that lend them money with land grant collateral. This article aims to assess the debt problem among peasants in Muda, Kedah around 1900 to 1967. It centers on the mortgaging issue and the*

*exchange of paddy land ownership to Chetty and creditors. As a result, the peasants had to rent their land because of their indebtedness. The historical research methodology was used in this study. The researchers collected government official documents, newspapers and conducted interviews to better understand the debt problem of peasants in Kedah, it includes SUK 1957, SUK 3421 and SUK 2829. The study's findings show that the peasants' debt problem was caused by their attitude, which easy to accept loans offered by the Chetty*

**Keywords:** *Paddy kunca; Chetty; Creditors; Peasants.*

## PENGENALAN

Sejak pentadbiran British, kegiatan ekonomi kaum tani di kawasan Muda mula terlibat dengan perdagangan domestik dan antarabangsa yang dikuasai kapitalis.<sup>1</sup> Kaum tani dalam konteks kajian ini merujuk kepada kaum tani di negeri Kedah yang mengusahakan kawasan penanaman padi. Kajian perkaitan antara hubungan kaum tani dengan aktiviti ekonomi yang lebih merujuk kepada pendapatan dengan kehidupan sosial kaum tani. Kaum tani dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu pemilik tanaman, penyewa tanpa tanah, pemilik yang juga penyewa tanah, dan pesawah tanpa tanah.<sup>2</sup>

Kemerosotan sosioekonomi kaum tani adalah berpunca dari beberapa faktor iaitu keberhutangan, bencana alam seperti kemarau. Masalah kemarau sering menjadi punca kemerosotan hasil pengeluaran sehingga menyebabkan pengurangan hasil pendapatan kaum tani.<sup>3</sup> Kemarau menyebabkan sumber air tidak dapat dialirkan untuk kegunaan tanaman atas kepentingan keselamatan penduduk tempatan yang memerlukan sumber air. Tambahan pula serangan serangga perosak secara tidak langsung berlakunya kemerosotan dari segi hasil pengeluaran padi dan telah memberi kesan dengan mengganggu gugat kestabilan ekonomi kaum tani itu sendiri. Faktor kemerosotan hasil pengeluaran menyebabkan kaum tani bertindak mengambil pendekatan berhutang bagi meneruskan kelangsungan hidup. Kesempatan ini telah diambil oleh pemiutang dan menekan kaum tani sehingga memberi kesan kepada sosioekonomi mereka. Kesannya muncul sistem hutang melalui Sistem Padi Kunca yang banyak dipelopori oleh golongan ceti dan pekilang Cina. Masalah keberhutangan yang menjadi beban kepada kaum tani padi hasil daripada kesempitan hidup yang berpunca dari kemerosotan hasil pengeluaran padi menjadi asbab kepada taraf ekonomi kaum tani padi merosot.

Kajian yang dijalankan oleh Affifuddin Hj Omar (1986) menjelaskan hutang padi kunca merupakan jerat ekonomi pemodal luar kepada pesawah padi yang mencengkam mereka dalam tempoh yang lama dan disebabkan tiada pilihan mereka terpaksa akur menerimanya. Kelompangan yang dapat dikaji ialah dari segi sikap kaum tani dan ia dilihat sebagai faktor utama yang menyumbang ke arah aktiviti berhutang dalam kalangan kaum tani. Pada peringkat awal sistem padi kunca, kaum tani berhutang dalam bentuk padi sahaja dan dibayar dengan padi dengan nisbah tertentu sebagai ganjaran atas pinjaman yang dibuat. Ini adalah kerana keperluan untuk makanan iaitu adalah perkara yang utama dalam kelangsungan hidup. Namun selepas daripada itu keperluan kaum tani bukan hanya tertumpu kepada makanan sahaja tetapi kepada keperluan lain seperti perkahwinan, pembelian alatan rumah dan sebagainya yang menyebabkan kaum tani terpaksa meminjam wang kepada golongan pemiutang. Keadaan ini ada dijelaskan dalam akhbar Berita Harian keluaran 4 Oktober 1970 mengenai tujuan kaum tani membuat pinjaman,

Dalam memberikan kredit oleh pemodal kampung, petani ingin mendapatnya atas tiga tujuan: 1-Untuk tujuan kegunaan sa-hari, 2-Untuk tujuan pengeluaran, 3-Untuk tujuan sosial-kenduri nikah-kahwin umpama-nya.<sup>4</sup>

Keperluan selain dari makanan asas menyebabkan kaum tani terpaksa membuat pinjaman dari ceti bagi memenuhi keperluan seperti kenduri dan sebagainya. Sistem Padi Kunca yang merupakan permasalahan utama yang dihadapi oleh kaum tani padi. Kebergantungan hidup dengan hasil penanaman padi secara turun temurun dan keengganan untuk mencuba bidang baru akibat dari desakan membayar baki hutang yang tertunggak kepada pemiutang atau ceti. Ketidakmampuan menyara kos keperluan keluarga akibat hasil padi yang diperolehi tidak mampu menyediakan semua keperluan menyebabkan mereka bertindak untuk berhutang walaupun implikasi yang bakal diterima sudah diketahui. Bagi kaum tani padi khususnya di Daerah Yan, Bandar Baharu dan Kota Setar mula terjebak dalam keberhutangan padi dan wang sejak dari tahun 1919 lagi dengan golongan ceti India.<sup>5</sup> Keadaan ini juga tidak terkecuali juga bagi golongan elit Melayu yang terjebak dengan hutang ceti serta hutang melalui bank yang berpangkalan di Alor Setar. Akibatnya mereka terpaksa menjadi penyewa di atas tanah mereka sendiri dan ada juga yang bertindak berpindah ke kawasan pedalaman untuk melakukan semula pemunggaran tanah-tanah baru apabila tanah sedia ada tergadai. Akhirnya kaum tani terpaksa menyewa tanah kepunyaannya dan bertukar pemilik tanah yang baru.

### **PERKEMBANGAN SISTEM PADI KUNCA 1900 – 1967**

Kaum tani perlu mendapatkan pinjaman bagi mencukupkan keperluan asas yang tidak mencukupi setiap musim di samping memenuhi keperluan sampingan seperti untuk tujuan kenduri dan mengerjakan haji. Pinjaman berupa wang dipinjam dari ceti bersama-sama dengan cagaran yang kebiasaannya adalah geran-geran tanah kepunyaan kaum tani sejak sekian lama. Sistem Padi Kunca juga adalah sistem hutang yang wujud di negeri Kedah atas faktor keperluan kaum tani dari segi kelangsungan hidup terutamanya makanan. Sistem padi kunca telah wujud sekitar awal tahun 1900 lagi dan sistem hutang mula rancak selepas wujud kilang-kilang beras pengilang Cina yang memberikan pinjaman kepada orang Melayu sekitar tahun 1930-an. Pinjaman yang diberikan kepada kaum tani atas persetujuan dan kepercayaan kedua pihak dengan mencagarkan geran tanah.

Peringkat awal pelaksanaan Sistem Padi Kunca, kaum tani berhutang padi untuk dijadikan makanan bagi meneruskan kelangsungan hidup pada sebelum penanaman padi bermula dan membayarnya selepas menuai hasil padi kepada pemodal wang pendahuluan tadi dengan kadar yang lebih rendah dari harga pasaran. Pinjaman dalam bentuk padi mentah dan kaum tani perlu memprosesnya sehingga menjadi beras. Kebanyakan kaum tani berhutang terikat dengan jumlah bayaran balik dengan pemiutang dalam Sistem Padi Kunca yang tidak konsisten nilai gantian pinjaman sama ada wang ataupun dalam bentuk padi di kebanyakan tempat kerana bergantung kepada perjanjian atau syarat yang dikenakan oleh pemiutang kerana syarat dan jumlah bayaran balik tidak selaras di pelbagai tempat dan daerah. Tahap keberhutangan pada peringkat awalnya kaum tani akan bertindak meminjam beras daripada keluarga, saudara dan jiran yang mempunyai stok padi yang banyak. Sebagai balasan pinjaman yang dibuat, kaum tani perlu membayar dengan padi tetapi dalam kuantiti yang lebih dari pinjaman yang dibuat. Setiap sekunca pinjaman padi perlu dibayar lebih 3 naleh. Naleh adalah satu sukatan yang mempunyai nilai bagi setiap satu naleh bersamaan dengan 16 gantang padi. Ini bermakna kaum tani yang meminjam sekunca padi perlu membayar balik satu kunca tiga naleh kepada pemiutang. Kaum tani yang menyewa tanah juga perlu membayar sewa dengan kadar yang tinggi oleh penyewa Cina yang mendapat hakmilik melalui hutang yang

gagal dilunas oleh peminjam. Hal ini ada dijelaskan oleh Shafie Nor (1967) berkaitan dengan bayaran yang harus dibayar oleh peminjam,

Menurut undang2 jagaan penyewa dan ketentuan hak (1955) si-penyewa tanah terpaksa membayar enam nalah padi (96 gantang) pada tiap satu relong tanah kelas satu yang di-sewa-nya. .... petani2 China selalu-nya menchabul undang2 itu bila tanah-nya di-sewakan kepada petani Melayu.<sup>6</sup>

Saban tahun nilai pinjaman semakin bertambah kerana hutang lama tidak mampu diselesaikan oleh kaum tani yang akhirnya memaksa mereka untuk mencagarkan geran tanah dan akhirnya menjadi milik pemiutang. Berdasarkan laporan Berita Harian (1967),

... menurut banchian tahun 1959 jumlah tanah dalam mukim Jerlun/ Sanglang ialah 35 000 relong –satu perenam ia-lah kepunyaan petani2 China. Tetapi sekarang separoh dari tanah2 itu sudah menjadi hak petani2 China.<sup>7</sup>

Kaum tani pada peringkat awal tidak terbela oleh mana-mana pihak atas penindasan yang di alami dalam sistem berhutang kerana pemiutang berhak meletakkan nilai bayaran balik tanpa terikat dengan syarat-syarat tertentu. Menurut laporan Berita Harian (1970),

Dalam membeli hasil pertanian. Harga-nya di-nilaikan dengan tidak sewajarnya di samping timbangan yang tidak betul. Disebabkan faktor2 perhubungan dan saluran pemasaran, petani2 tak ada sumber2 lain untuk menjual hasil mereka. Sa-bagai penjual barang2 pengguna. Penindasan berlaku bila barang2 tersebut dijual dengan harga tinggi. Hal ini boleh terjadi dengan kurang-nya tandingan. Kalau barang2 itu di-jual dengan chara kredit, bunga dikenakan dalam bentok harga yang lebeh tinggi. Penilaian dalam menimbang juga tidak adil. Sa-bagai tuan tanah penindasan juga dilakukan oleh orang2 tengah dalam beberapa bentuk sewa dikenakan .<sup>8</sup>

Jika disorot kembali ketika era penjajahan, pihak kolonial lebih menumpukan hasil pengeluaran padi bagi keperluan ekonomi mereka berbanding kebajikan kaum tani. Terdapat perbezaan jumlah pembayaran balik pinjaman mengikut tempat dengan sekunca padi yang dipinjam dan mengikut bayar balik dengan lebihan 3 hingga 4 nalah khususnya bagi negeri Kedah dan negeri Perlis.<sup>9</sup>

Jadual 1 Pengiraan sukatan timbangan padi Kedah

Sukatan timbangan	Ukuran tukaran
1 kunca	10 nalah
1 nalah	16 gantang
1 gantang	2.7 kilogram

Sumber: Shaharir Mohamad Zain & Abdul Razak Salleh (2001)

Berdasarkan Jadual 1, pengiraan satu kunca bersamaan dengan 10 nalah dan 1 nalah bersamaan dengan 16 gantang manakala 1 gantang bersamaan dengan 2.7 kilogram adalah ukuran berat padi bagi negeri Kedah.<sup>10</sup> Bayaran balik ini bergantung kepada pemiutang menentukan nilai yang harus dibayar balik. Penindasan yang dilakukan terhadap kaum tani oleh ceti dan pengilang Cina yang memberi hutang kepada kaum tani telah membawa kepada kesan sosioekonomi kaum tani akibat hutang yang tidak pernah selesai.<sup>11</sup> Penindasan dari segi harga padi yang dijual kepada pihak pemiutang. Kaum tani yang berhasrat untuk menambah hutang baru atas sebab kelangsungan kehidupan seperti beras serta memenuhi keperluan untuk

membeli peralatan rumah dan juga untuk tujuan kenduri perkahwinan dalam keadaan hutang lama belum dan tidak mampu dilunaskan, pemiutang akan mengenakan syarat lain dengan mendaftarkan cagar tanah serta pertukaran hak milik kepada pemiutang di pejabat tanah mengikut tempoh yang dipersetujui sebelum diserahkan kembali kepada pemilik asal apabila hutang dilunaskan.<sup>12</sup> Faktor hutang telah memaksa kaum tani untuk bertindak memindahkan geran tanah di pejabat tanah kepada pemilik baru yang memberikan pinjaman. Kaum tani padi berkenaan tetap perlu membayar hutang dan di samping terpaksa juga menjual hasil tanaman mereka bagi melunaskan hutang-hutang mereka.<sup>13</sup> Namun kebiasaannya kaum tani tidak berjaya menjelaskan hutang tertunggak mereka kepada pemiutang.

Sehingga tahun 1935 ceti berjaya memperoleh 15 hakmilik tanah<sup>14</sup> manakala bagi tahun 1937 ceti<sup>15</sup> iaitu Kopan Chettiar memperoleh sehingga 10 hakmilik tanah kaum tani padi akibat kegagalan kaum tani melunaskan hutang.<sup>16</sup> Bagi memenuhi keperluan asas dan sampingan, kaum tani terpaksa mencari alternatif selain dari bersawah padi seperti bercucuk tanam sayuran dan mencari hasil laut bagi meneruskan kehidupan yang sudah pasti berada dalam keadaan serba kekurangan. Kesukaran kaum tani padi menjadi satu peluang kepada pemiutang dalam meraih kesempatan dan menekan tani padi sehingga mereka terpaksa berhutang secara berterusan tanpa kesudahan kerana tidak ada keseimbangan antara hasil pengeluaran dengan harga dibeli yang ternyata ianya di bawah harga yang telah ditetapkan.<sup>17</sup> Wujud hubungan baik dengan ceti dengan golongan pemerintah<sup>18</sup> hasil dari urusan pinjaman sehinggakan golongan ceti berkuasa sebagai pemberi pinjaman kepada kaum tani. Ceti juga bertindak menentukan harga setiap jualan hasil padi yang hendak dijual kepada mereka. Peminjam akur dengan penentuan harga tersebut kerana terikat dengan hutang yang dibuat.

## **TEKANAN TERHADAP KAUM TANI**

Kaum tani dibebani dengan pertambahan hutang sehinggakan mereka menyewa di tanah sendiri. Ini adalah bentuk penindasan yang digunakan oleh ceti dan pemiutang terhadap kaum tani yang akhirnya menjadi pemilik tanah berkenaan. Ini adalah kerana belum wujud satu badan atau agensi yang bertindak mengawal keseluruhan kebajikan kaum tani dari segi harga dan kemudahan pinjaman. Sistem Jual Janji adalah satu sistem yang berlaku dengan apabila pemilik tanah memberi tanah dalam tempoh tertentu kepada pemilik baru tanah atas faktor keberhutangan sehingga selesai hutang berkenaan. Cagar dalam bentuk geran tanah diperlukan sebelum pinjaman dibuat oleh peminjam di samping dengan perjanjian yang dipersetujui kedua pihak. Untuk mendapatkan pinjaman peminjam perlu mempunyai aset seperti tanah untuk diberikan kepada pemiutang sebelum wang pinjaman diterima oleh peminjam. Berdasarkan laporan Berita Harian (1970),

Mengikut sistem Jual Janji si-peminjam harus menyandarkan tanah mereka untuk mendapatkan kredit. Ertinya tanah di-jadikan sebagai chagaran dalam memenuhi kehendak2 kredit. Pinjaman itu di-buat dalam satu2 jangka masa dan kira-nya tak dapat di-buat pembayaran sa-lepas dari masa dan kira-nya tak dapat di-buat pembayaran sa-lepas dari masa yang dijanjikan itu maka milik tanah itu terpulang kepada orang yang memberi modal tadi.<sup>19</sup>

Kewujudan sistem ini adalah pemilik tanah akan menyewa tanah mereka sendiri berkenaan dengan bersandarkan kepada bayaran padi sehingga selesai hutang melalui bayaran wang tunai. Geran tanah akan dipegang oleh ceti atau pemiutang sebagai cagar di atas hutang berkenaan.<sup>20</sup> Peringkat awal pinjaman adalah melibatkan pinjaman padi dan dibayar dengan menggunakan padi manakala jual janji adalah satu sistem cagar pemilikan yang selalunya adalah tanah penghutang yang akan ditukar milik apabila penghutang gagal melunaskan jumlah

pinjaman mereka. Penguasaan ceti dalam memeras tanah-tanah kaum tani bukan setakat tertumpu daripada kaum India dan Cina tetapi juga orang Melayu. Pemiutang padi kebiasaannya wujud dalam kalangan orang Melayu yang mempunyai saiz bendang yang luas dan simpanan padi yang banyak. Kaum tani akan meminjam padi mentah dan memproses sendiri padi untuk dijadikan beras dengan cara menumbuk di dalam lesung yang kebiasaannya ada di setiap rumah kaum tani.<sup>21</sup> Kewujudan golongan ceti peringkat awal adalah hasil dari permintaan kaum tani dan penawaran dari pihak ceti yang lebih kepada pinjaman beras atau padi. Akibat kekangan keperluan harian keluarga, kaum tani terpaksa berhutang padi dan nilai pinjaman bertambah dan jumlah berkecambah bertambah dan dibawa ke tahun hadapan sehingga akhirnya mereka tidak mampu bayar. Tambahan pula sewaktu ini orang Cina mula berkecimpung sebagai pemiutang sekitar tahun 1940an.

Penawaran pinjaman dari pihak pemiutang dan ceti mendorong kaum tani bertindak menjadi peminjam wang dan akhirnya berterusan walaupun peringkat awalnya mereka sudah mengetahui implikasinya jika meminjam daripada ceti-ceti ataupun pemiutang. Namun atas faktor kemiskinan kaum tani terpaksa mencari sumber pendapatan lain untuk meneruskan kecukupan kehidupan. Penawaran dari pihak ceti dan pemodal Cina telah menjadikan aktiviti berhutang dalam kalangan kaum tani dengan pelbagai tawaran yang mampu mempengaruhi jiwa kaum tani yang ketika itu dalam keadaan terdesak.

Pemiutang Cina bertindak memperolehi keuntungan bagi setiap pinjaman yang dibuat oleh kaum tani Melayu dengan mengenakan faedah sehingga 80 peratus bagi setiap pinjaman yang dibuat. Setiap pinjaman 50 ringgit akan dibayar oleh peminjam dengan 5 kunca padi dan pemiutang Cina menjual kembali dengan harga 20 ringgit sekunca. Keadaan ini jelas memberikan keuntungan berlipat kali ganda dari harga pinjaman kepada pemiutang.<sup>22</sup> Keadaan kaum tani yang berhutang telah wujud berpuluh-puluh tahun dan situasi ini dapat dihapuskan dengan campur tangan dan kawalan dari pihak kerajaan yang mentadbir.<sup>23</sup>

Pada sekitar tahun 1970-an, Tuan Haji Ghazali Jawi iaitu Menteri Pertanian dan *Sharikat Kerjasama* yang merupakan koperasi kaum tani pada ketika itu iaitu yang telah menyifatkan bahawa sistem padi kunca sebagai masalah masyarakat ketika itu dan masalah tersebut perlu di atasi dengan kadar segera agar tidak berpanjangan dan menjadi parah dalam masyarakat. Faktor warisan kemiskinan, kemarau dan serangan makhluk perosak terhadap tanaman padi menyebabkan kaum tani yang berhutang telah terjebak masalah baru iaitu dengan sistem jual janji. Dalam sistem ini setiap pinjaman yang dibuat oleh kaum tani akan diikat dengan satu perjanjian yang memerlukan mereka menukar nama pemilik dari nama pemilik asal kepada pemiutang tersebut sebagai cagaran atas pinjaman di Pejabat Tanah Daerah terdekat. Geran berkecambah dikepilkan juga nota kecil yang menyatakan pada tarikh tertentu pemilik asal atau penghutang perlu membayar balik jumlah pinjaman dan sekiranya gagal pada tarikh berkecambah, tanah berkecambah mutlak menjadi hak pemiutang. Tipu helah oleh pemiutang khususnya pemiutang Melayu telah menyebabkan banyak tanah-tanah petani Melayu tergadai.<sup>24</sup> Antara helah yang digunakan oleh pemiutang atau ceti Melayu ini ialah masalah kesihatan serta yang lebih tidak berperikemanusiaan lagi dengan menghilangkan diri pada hari penebusan tanah hendak dilakukan dan berakhir tanah berkecambah menjadikan hak milik mutlak pemiutang. Kaum tani sedar akan risiko yang bakal diterima akibat berhutang ini, namun kemudahan kelulusan dari pihak ceti, terdesak dan faktor jarak iaitu dekat dengan mereka menyebabkan kaum tani tetap meneruskan pinjaman dengan ceti. Ceti mengambil peluang dengan menyediakan perkhidmatan berhutang kepada kaum tani Melayu.

## **KESAN TERHADAP SOSIOEKONOMI KAUM TANI**

Masalah utama kaum tani sehingga terjebak dalam hutang adalah disebabkan tiada pekerjaan berimpak tinggi. Kaum tani hanya bertumpu kepada penanaman padi secara tradisional.

Keadaan hasil pengeluaran yang sedikit menyebabkan peminjam gagal membayar hutang dengan cepat.

Masalah seterusnya ialah masalah teknik dan teknologi mundur dan hanya mempunyai pertanian skala kecil. Masalah ini juga menyebabkan mereka mudah dieksploitasi dan ditipu golongan ceti. Hasilnya kaum tani terus dalam kemiskinan dan ini menjadi faktor kaum tani kekurangan modal dan mempraktikkan dalam penggunaan peralatan jentera yang memudahkan urusan dan menambahkan hasil pengeluaran dan menjimatkan masa seperti traktor pembajak dan benih yang baik menyebabkan kaum tani sering kali terlepas dalam memperolehi keuntungan yang diharapkan mampu mengubah taraf ekonomi mereka. Kemiskinan dapat digambarkan dalam bentuk kitaran. Kitaran ini bermula apabila kaum tani itu tidak mampu membuat sebarang simpanan untuk digunakan dalam pelaburan ekonomi, seperti pendidikan dan juga pembelian alat-alat pengeluaran. Hutang yang ditanggung oleh kaum tani meletakkan ekonomi mereka dalam keadaan statik iaitu tidak berganjak dari keadaan sosio ekonomi yang lama. Keadaan ini memberi kesempatan kepada pemiutang Cina dan ceti India menyalurkan pinjaman yang pada akhirnya menyebabkan kaum tani tidak mampu membayar dan terpaksa menggadaikan tanah mereka kepada pemiutang dan ceti. Kesan pada kaum tani untuk jangka masa panjang ialah kehilangan tanah dan keluasan tanah yang dimiliki semakin mengecil apabila mereka terpaksa menggadaikan tanah kepada peruncit melalui sistem padi kunca dan gadai janji bagi tujuan melangsaikan hutang tertunggak dan kaum tani kehilangan banyak tanah serta pekerjaan sebagai pesawah di tanah sendiri dan terpaksa bekerja di tanah orang lain dengan menyewa tanah atau bekerja di tanah sendiri yang digadaikan.<sup>25</sup> Ketika pentadbiran British, Sir Geogre Maxwell, Penasihat British di Kedah, menegaskan bahawa hampir keseluruhan kaum tani padi ketika itu dibawah penguasaan peruncit dan tugas peruncit sebagai pemberi kredit dari masa ke semasa sementara padi belum menguning dan apabila tiba masa menuai semua hutang-hutang tertunggak akan dilangsaikan.<sup>26</sup>

Kebanyakan kaum tani mempunyai masalah pendidikan rendah. Masalah ini menyebabkan mereka sering ditipu dari segi harga dan timangan. Kadar faedah yang dikenakan sebanyak 80 peratus setahun dan perjanjian penjualan hasil padi secara lisan dengan pemiutang menyebabkan kaum tani tidak berpeluang membina rangkaian pemasaran hasil padi mereka sendiri kerana terikat dengan perjanjian pinjaman dengan persetujuan pemiutang sebagai pembeli hasil padi peminjam.<sup>27</sup> Para peruncit memperdayakan kaum tani dikesan oleh George Maxwell telah menyebabkan pihak British mencari alternatif untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku seperti mewujudkan skim pinjaman yang lebih mesra petani.<sup>28</sup>

Di daerah Sungai Daun, Yan, Kedah, pinjaman ceti dan pemilik kedai Cina adalah bentuk-bentuk hutang yang wujud sekitar tahun 1931. Ceti memberi hutang kewangan manakala pemilik kedai Cina memberi pinjaman bentuk barangan keperluan harian dan kewangan. Kaum tani dibekalkan barang keperluan secara hutang oleh peruncit sewaktu mereka baru memulakan penanaman padi dan terpaksa menyelesaikan semua hutang selepas waktu menuai. Kaum tani terpaksa membayar hutang kepada ceti dan perlu mencari pendekatan lain bagi menjual hasil padi.<sup>29</sup> Kaum tani bergantung kepada ceti dan peruncit-peruncit Cina dengan tujuan untuk mendapatkan pinjaman wang tunai yang akhirnya berlaku penindasan dan penipuan dari segi faedah pinjaman dan harga padi yang dijual kepada pihak pemilik kedai cina dan ceti. Situasi sebegini sebenar adalah hasil dari helah peruncit dalam hal penjualan padi kerana tiada sebarang perjanjian termeterai antara peruncit dengan kaum tani. Ini adalah berpunca daripada permintaan yang tinggi dalam kalangan kaum tani yang begitu mengharap wang yang lebih dalam pembelian barangan keperluan harian. Penglibatan dengan ceti juga menyebabkan tanah-tanah tergadai dan dilelong. Proses lelongan juga dilakukan ke atas tanah kawasan Tanah Simpanan Melayu dilihat dalam surat Ketua Majistret Mahkamah Rendah kepada Majlis Mesyuarat Negeri bertarikh 19 Ogos 1933.<sup>30</sup>

British telah memperkenalkan Enakmen Rizab Melayu pada awalnya untuk menghalang pemilikan asing kemudian bertukar fungsi untuk menjamin hakmilik tanah bangsa Melayu agar tidak jatuh ke tangan bangsa bukan Melayu di samping menyekat penjualan tanah-tanah berkenaan kepada orang bukan Melayu bermula dari tahun 1931 lagi.<sup>31</sup> British telah menyekat tanah di dalam kawasan Rizab Melayu daripada dilupuskan dengan apa jua cara kepada Bukan Melayu serta menyekat tanah pegangan Melayu daripada dibuat apa-apa urusniaga persendirian di antara Melayu dan bukan Melayu. Penjualan tanah pertanian kepada golongan ceti dan pemiutang Cina hasil daripada kegagalan pembayaran hutang. Penukaran hakmilik yang British bertindak mempertimbangkan pembatalan tanah dari Tanah Simpanan Melayu agar tanah berkenaan dapat dilelong kepada bangsa lain dan kemudian Mahkamah memaklumkan aktiviti lelongan telah dilakukan serta akhirnya tanah berkenaan telah dibeli oleh ceti. Kerajaan cuba mengelak dalam percubaan orang bukan Melayu melelong tanah milik orang Melayu bagi menjaga kepentingan orang Melayu dari kehilangan tanah mereka sendiri. Namun sehingga tahun 1935 banyak tanah-tanah kaum tani telah jatuh ke tangan ceti dan dianggarkan terdapat 14 kes dan dari jumlah ini ianya tidak termasuk kes tanah-tanah yang digadaikan kepada pemiutang.<sup>32</sup>

Pihak ceti juga semakin berpengaruh dan berkuasa sehinggakan sebahagian besar Tanah Simpanan Melayu yang dikhaskan kepada bumiputera telah dapat dikuasai oleh ceti disebabkan peranan mereka melobi dalam pindah milik tanah kepada bukan Melayu.<sup>33</sup> Sultan Abdul Hamid telah mencadangkan kepada Poh Ah Leong yang merupakan seorang taukeh komersial bagi menjadi pemiutang kepada kaum tani yang dipercayai dengan mencagarkan tanah milik mereka.<sup>34</sup> Impak dari pemerintahan British juga telah memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di Kedah. Kesan yang terpaksa ditanggung oleh kaum tani adalah mereka terus ditindas dan dianiayai oleh golongan ceti. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa tiada kemajuan ekonomi yang dipamerkan oleh pihak kolonial menyebabkan kaum tani memerlukan orang Cina dan India sebagai ceti dan tempat berhutang untuk urusan pinjaman walaupun sedia maklum mereka ini dengan nyata akan menindas orang Melayu.

Kemunculan pemiutang Melayu juga berperanan sama seperti ceti kaum tani Melayu khususnya di kawasan Yan Kedah. Mereka ini sedaya upaya untuk mendapatkan tanah pada harga yang paling rendah dari harga pasaran sehinggakan serendah 50 peratus dari harga pasaran.<sup>35</sup> Keadaan ini sudah tentu menjadi kelebihan kepada ceti untuk menekan kaum tani yang memang pada ketika itu sangat terdesak dan memerlukan wang walaupun terpaksa menjual tanah pada harga yang terendah dari harga pasaran. Golongan pendidik, penghulu, pegawai kerajaan dan bomoh adalah antara golongan yang dikategorikan sebagai kaya dan mengambil kesempatan atas kesusahan orang lain dan juga mempunyai kesedaran dalam pemilikan tanah.<sup>36</sup> Bagi penduduk sekitar daerah Sungai Daun, Yan, Kedah khususnya kaum tani Melayu, mereka banyak didedahkan dengan sistem pinjaman yang sebenarnya berasal dari bandar. Pemiutang kebiasaannya terdiri daripada saudagar Cina dengan mengenakan kadar faedah yang tinggi sehingga pernah mencecah faedah 40 peratus setahun.<sup>37</sup> Terdapat dua jenis skim yang diperkenalkan dalam pinjaman iaitu Sistem Jual Janji dan Sistem Padi Kunca. Sistem Jual Janji adalah satu keadaan di mana pemilik tanah menggadaikan tanah kepada pemiutang dan memberi hak untuk menduduki tanah berkenaan akibat dari keberhutangan. Semua urusan penukaran hak milik adalah melalui pendaftaran di Pejabat Tanah.<sup>38</sup> Peminjam yang terdiri dari kaum tani perlu membayar sewa sekiranya berhasrat untuk menduduki atau menggunakan tanah berkenaan. Peminjam akan kehilangan tanah sehingga terpaksa menyelesaikan semua hutang kepada pemiutang. Sekiranya pembayaran gagal dilakukan, pemiutang akan mempunyai hak ke atas tanah berkenaan.

Pada peringkat awal pelaksanaan Sistem Padi Kunca adalah melibatkan pinjaman padi dan dibayar balik dengan nilai padi yang lebih dari jumlah padi yang dipinjam. Bilangan



